

Akademi Golf GWGF cungkil bakat baharu

KUALA LUMPUR 17 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan melancarkan akademi golf kelolaan Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), esok, bagi mencungkil bakat anak-anak penenaka dalam sukan berprestij itu.

Presiden GWGF, Tan Sri Rozali Ismail berkata, akademi berkenaan dirangka bagi mengetengahkan kebolehan generasi muda Felda dalam bidang itu untuk menjadi pengurus, kedi dan pemain profesional bertaraf dunia.

“Sebelum ini kita sudah mempunyai Kelab Bola Sepak Felda United, jadi kali ini kita wujudkan akademi golf pula supaya anak-anak Felda boleh jadi pemain terkemuka seperti Tiger Woods, Rory McIlroy, Phil Mickelson, Bubba Watson dan sebagainya.

“Kemasukan pertama akan dihadkan kepada 20 orang melalui proses pemilihan mengikut kategori bermula dari sekolah rendah, menengah hinggalah ke peringkat universiti dan jumlah itu akan ditambah dari semasa ke semasa,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas tamat Kejohanan Golf Tahunan GWGF yang julung kali diadakan melibatkan penyertaan kira-kira 120 pemain di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Fauzi Ramlan; Timbalan Presiden GWGF, Da-



ROZALI Ismail (tiga dari kiri) bersama Fauzi Ramlan (kanan) beramah mesra dengan para pemenang Kejohanan Golf Tahunan GWGF 2014 di padang Golf UPM, Serdang, Selangor, semalam.

tuk Abdullah Abu Bakar dan Ketua Pegawai Eksekutif Puncak Niaga Holdings Berhad, Datuk Syed Dania Syed Ariffin.

Menurut Rozali, sukan golf merupakan bidang profesional yang mampu menjana pendapatan tinggi bukan sahaja kepada pemain malah pengurus, kedi dan juga pihak-pihak yang terlibat.

“Sehubungan itu, kita buka juga akademi ini untuk golongan wanita

supaya bakat mereka boleh diketengahkan di samping melatih kemampuan generasi muda ke peringkat lebih tinggi atau antarabangsa.

“Dari segi lokasinya belum diputuskan tetapi sekiranya UPM mempunyai kemudahan yang diperlukan dan setuju menjadi rakan kongsi, kita akan rujuk perkara ini kepada Perdana Menteri manakala peruntukan dana akan diumumkan oleh beliau sendiri,” jelasnya.